

94 mangsa dibenar pulang

SABAK BERNAM - Seramai 94 mangsa daripada 23 keluarga di tiga pusat pemindahan mangsa fenomena air pasang besar di Sabak Bernam dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing, semalam.

Ketiga-tiga pusat pemindahan itu ditutup mulai jam 12 tengah hari semalam, selepas mereka dipindahkan ke pusat itu bermula petang, Sabtu lalu.

Seramai 63 mangsa daripada 16 keluarga sebelum ini ditempatkan di Dewan Sungai Air Tawar, manakala seramai 29 mangsa daripada enam keluarga di Dewan Parit Baru dan dua lagi mangsa daripada satu keluarga di Dewan Seri Sekinchan.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendent Nor Azmi Isa berkata, Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Daerah pagi semalam, membuat keputusan bahawa semua kawasan penempatan selamat untuk diduduki semula oleh penduduk.

Menurutnya, keputusan itu dibuat berdasarkan pemantauan pihak Jabatan Pengairan Selangor (JPS) sehingga jam 9 pagi mendapati tiada kerosak-



Mangsa fenomena air pasang besar di Pusat Pemindahan Banjir Sungai Air Tawar mula berkemas untuk pulang ke kediaman masing-masing, tengah hari semalam.

an serius pada benteng pesisir pantai di daerah itu.

"Sehubungan itu, kesemua empat Pusat Pemindahan Banjir termasuk di Dewan Sri Bernam (tiada mangsa banjir ditempatkan di dewan itu) juga ditutup.

"Pusat Pemindahan akan diletakkan semula di bawah status aktif (tanpa mangsa) dan Bilik Gerakan Bencana akan terus dibuka sehingga 21 Oktober (Jumaat) ini," katanya.

Nor Azmi yang juga Komander Operasi Pengurusan Bencana Daerah berkata, dalam tem-

poh itu, pihak JPS, polis dan Jawatankuasa Bencana Daerah akan terus membuat pemantauan benteng dan kawasan penempatan penduduk berhampiran pantai.

"Langkah ini penting supaya tindakan pemberitahuan dan pemindahan segera dapat dilakukan jika berlakunya banjir.

"Sementara itu, semua aset menyelamatkan akan diletakkan dalam keadaan bersiap-sedia di jabatan masing-masing dan boleh digerakkan sekiranya diperlukan pada bila-bila masa," katanya.